



جَبَاتَانِ كَهَاكِيمَانِ سَيَرِيَاةٍ قِيَاةٍ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG  
Jalan Masjid  
25000 KUANTAN  
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-517 7966  
Faks : 09-513 4805  
Web : <http://pahang.jksm.gov.my>  
E-mail : [jksps@esyariah.gov.my](mailto:jksps@esyariah.gov.my)

Ruj. Tuan : JKSP 600-1/3/1 (10)  
Takwim : 13 Muharram 1442H  
Tarikh : 01hb September 2020

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,  
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,

## PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 2 TAHUN 2020

### Penggunaan Kertas Perintah Mahkamah

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil 1/2020 pada 24hb hingga 26hb Ogos 2020 bersamaan 5 hingga 7 Muharram 1442H di Bilik Mesyuarat Pejabat Agama Islam Daerah Rompin telah bersetuju untuk mengesahkan dan menerima pakai Arahan Amalan No. 6 Tahun 2015 berkaitan Peraturan Penggunaan Kertas Perintah Mahkamah dengan pindaan sepertimana berikut:

1. Penggunaan kertas perintah adalah bagi kes Faraid, Wali Hakim dan Kebenaran Bernikah Bawah Umur.
2. Penggunaan kertas A4 90gsm berwarna putih tanpa nombor siri bagi semua kes selain kes Faraid, Wali Hakim dan Kebenaran Bernikah Bawah Umur.
3. Menggunakan meterai besi untuk kesemua kes.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01hb September 2020.

(Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Md Yunos, SSAP., DIMP., SMP., PKC.)  
Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

KUANTAN  
2020

"SYARIAH ASAS KEADILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO. ARS404